

22/08/2003

Eksploitasi pengeluaran CF perlu dibanteras

LANGKAH kerajaan mempermudah proses mendapatkan sijil layak menduduki (CF) sesebuah bangunan dengan mengurangkan jumlah jabatan yang terbabit memberi kelulusan adalah satu perkembangan baik. Malah, ia sepatutnya sudah lama dilaksanakan. Isu CF lewat dikeluarkan bukan perkara baru, bahkan dalam mesyuarat dengan Menteri Besar dan Ketua Menteri, Jun lalu, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, sendiri mengarahkan kerajaan negeri supaya mengurangkan kerenah birokrasi dalam proses kelulusan semua projek pembangunan bagi membantu merangsang ekonomi negara. Oleh itu, penguatkuasaan sistem baru itu diharap dapat menggalakkan lagi perkembangan industri pembinaan dan perumahan negara.

Bagaimanapun, apa yang kita bimbang ialah kualiti projek yang dilaksanakan. Dengan kurangnya birokrasi dan pengawasan, kita khuatir ada pemaju yang mengambil kesempatan sehingga bangunan atau projek perumahan yang dibina tidak mengikut spesifikasi ditetapkan, sekali gus boleh mengancam keselamatan penghuninya. Jika sebelum ini masih ada projek yang tidak mengikut spesifikasi walaupun sudah melalui pelbagai peringkat kelulusan, kita tidak mahu dengan longgarnya pengawasan, keadaan akan bertambah buruk. Kita tidak bermaksud mempertikaikan kejujuran pemaju, tetapi wang boleh menggelapkan mata manusia sehingga hilang kewarasan berfikir.

Oleh kerana prosedur baru ini memberi tanggungjawab kepada arkitek dan jurutera pemaju untuk menjalankan 'penilaian sendiri', kita berharap mereka dapat melaksanakan tugas dengan jujur mengikut kod etika profesion ditetapkan. Sememangnya, sistem ini sudah dilaksanakan di negara maju dan keselamatannya terjamin, tetapi di Malaysia, kita masih perlu berhati-hati kerana masih ada segelintir masyarakat yang memiliki sifat dan pemikiran 'dunia ketiga' walaupun negara membangun begitu pesat sehingga setanding dengan negara maju. Hanya inilah yang menjadi kebimbangan kerana mengubah sikap masyarakat bukan sesuatu yang mudah dan jika tidak ditangani dengan bijak, boleh menggagalkan hasrat kerajaan.

Selain itu, disebabkan sistem baru ini memerlukan semua majlis tempatan menubuhkan pusat sehenti untuk menguruskan permohonan CF dan satu lagi pusat di peringkat negeri, kita juga berharap pihak berkuasa tempatan (PBT) dan kerajaan negeri dapat bergerak segera untuk memastikan tidak timbul masalah apabila sistem itu dikuatkuasakan Oktober depan. Sebelum ini, sudah banyak prosedur yang diperkenal, khususnya di peringkat PBT, tetapi gagal dilaksanakan dengan berkesan kerana bukan saja kakitangannya belum bersedia, malah mereka tidak diberi latihan dan pendedahan sewajarnya sehingga perkara yang sepatutnya mudah menjadi lebih susah.